

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [ SARATOK ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan secara lebih terperinci berkenaan dengan kaedah yang akan diguna pakai bagi memastikan MPKK ini dilaksana dengan jayanya setelah mengambil kira pendirian Kerajaan Negeri Sarawak yang menolak penubuhan MPKK.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini, Kerajaan Negeri Sarawak masih tetap dengan pendirian untuk mengekalkan nama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan tidak menggunakan nama MPKK. Di samping itu, Kerajaan Negeri Sarawak hanya melantik Pengerusi JKKK yang mana adalah juga merupakan Ketua Kaum di Sarawak.
  
2. Oleh yang demikian, bagi memastikan institusi pentadbiran di peringkat kampung dapat melaksanakan fungsi dengan berkesan, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 18 Oktober 2019 telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Majlis Pengurusan Komuniti

## **NO. SOALAN : 393**

Kampung Persekutuan (MPKKP) di negeri yang tidak ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan termasuk di Sarawak. Ia bertujuan untuk :

- a) membantu Kerajaan Persekutuan di negeri berkaitan untuk merancang pembangunan di peringkat kampung;
  - b) menyalurkan maklumat keperluan pembangunan masyarakat kampung kepada Kerajaan Persekutuan;
  - c) menyampaikan maklumat, memberi penjelasan dan merealisasikan dasar-dasar Kerajaan Persekutuan hingga ke peringkat akar umbi; dan
  - d) merancang dan melaksana program di kampung melalui permohonan Geran yang disediakan.
3. Berdasarkan kepada keputusan Jemaah Menteri tersebut, pewujudan MPKKP di negeri Sarawak akan melibatkan pelantikan seorang Pengerusi dan seorang Setiausaha bagi kesemua 5,976 MPKKP. Pengerusi akan menerima elauan bulanan sebanyak RM500 manakala Setiausaha sebanyak RM300. Di samping itu juga, MPKKP di negeri Sarawak turut layak untuk memohon Geran MPKK/MPKKP bagi projek-projek berkaitan ekonomi, kesejahteraan dan keceriaan dengan jumlah sehingga RM10,000.